

WANITA DAN POLITIK

Mohamad Hafeezi Abdullah
Yuzairy Rozaidi Rohaizan
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Abdullah, M. H., Rohaizan, Y. R., & Jasmi, K. A. (2012). Wanita dan Politik in *Prosiding Seminar Tamadun 2012* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012, pp. 129-145. ISBN 978-967-0194-19-6.

Abstrak

Perbincangan kertas kerja ini merangkumi isu mengenai wanita dalam aktiviti politik. Dalam kertas kerja ini terdapat perbincangan mengenai gerakan politik awal wanita dimana taraf kaum ini mula dipersoalkan. Dalam perjuangan politik moden, iaitu di peringkat antarabangsa dan domestik lebih menjurus kepada peranan dan sumbangan wanita dalam politik. Juga diselitkan jenis perjuangan politik wanita dan cabaran yang dihadapi wanita dalam berpolitik membahaskan mengenai hak-hak wanita dan had-had batasan kaum wanita dalam politik. Kesemua perbincangan ini berasaskan bahan-bahan rujukan yang diberi seperti buku yang berlandaskan al-Quran dan hadis. Dalam kertas kerja ini juga terdapat kisah-kisah teladan mengenai perjuangan dan pengaruh wanita ketika Islam sedang berkembang.

WANITA DAN POLITIK

**Mohamad Hafeezi Abdullah
Yuzairy Rozaidi Rohaizan
Kamarul Azmi Jasmi**

ABSTRAK

Perbincangan kertas kerja ini merangkumi isu mengenai wanita dalam aktiviti politik. Dalam kertas kerja ini terdapat perbincangan mengenai gerakan politik awal wanita dimana taraf kaum ini mula dipersoalkan. Dalam perjuangan politik moden, iaitu di peringkat antarabangsa dan domestik lebih menjurus kepada peranan dan sumbangan wanita dalam politik. Juga diselitkan jenis perjuangan politik wanita dan cabaran yang dihadapi wanita dalam berpolitik membabaskan mengenai hak-hak wanita dan had-had batasan kaum wanita dalam politik. Kesemua perbincangan ini berasaskan bahan-bahan rujukan yang diberi seperti buku yang berlandaskan al-Quran dan hadis. Dalam kertas kerja ini juga terdapat kisah-kisah teladan mengenai perjuangan dan pengaruh wanita ketika Islam sedang berkembang.

PENGENALAN

Isu mengenai wanita berpolitik tidak asing lagi dalam dunia moden. Secara keseluruhannya wanita muslim juga tidak dapat lari daripada tanggungjawab sosialnya yang selari dengan hukum fardu kifayah. Politik adalah ilmu dan kemahiran. Ia mempunyai prinsip-prinsip dan disiplin-disiplin tertentu yang keseluruhannya membentuk ilmu politik (Khalid Ali Muhammad al-Anbariy, 2008). Dalam mendalami politik ini, tanggungjawab sivil dan hak seseorang wanita itu adalah sama seperti seorang lelaki, dimana tanggungjawab seseorang lelaki terhadap wanita hanya terikat apabila mempunyai ikatan pernikahan yang sah, tidak bermaksud bahawa kedudukan wanita itu adalah lebih rendah daripada lelaki (Muhammad M. al-Hudaibi, 2000: 31).

Wanita dan tindakan politik ini boleh dilihat sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Sebagai contoh yang jelas, Sayyadina Khatijah mempunyai

perniagaan yang besar secara tidak langsung mempunyai pengaruh politik di bumi Mekkah. Beliau mempunyai rangkaian kenalan yang luas untuk menyebarkan pengaruh demi memajukan lagi perniagaan beliau. Di era moden, terdapat juga beberapa wanita yang berpengaruh sama ada Islam mahupun bukan Islam. Sementara itu, dalam berpolitik, wanita Islam juga terikat dengan tanggungjawab domestik yang menjadi kewajipan atas diri mereka. Di samping itu, terdapat beberapa batasan yang perlu dijaga supaya tidak melanggar fitrah kewanitaan. Dalam praktiknya, apabila seseorang wanita itu terlibat dalam aktiviti politik maka akan wujudlah beberapa konflik dan cabaran yang perlu dihadapinya sama ada bersifat positif mahupun negatif.

GERAKAN POLITIK AWAL WANITA

Dalam mana-mana pengajian yang terperinci dalam ajaran Islam terutamanya dalam sejarah ketamadunan Islam sudah pastinya akan terdapat bukti yang jelas mengenai ekualiti seseorang wanita dengan lelaki yang sering dibangkitkan oleh masyarakat moden sebagai “hak politik”. Aspek ini termasuk juga dengan hak seseorang wanita itu untuk ditabalkan dimanamana jawatan ataupun pejabat dan juga melibatkan diri dalam hal ehwal umum. Dalam al-Quran dan sejarah Islam, kita boleh melihat beberapa contoh dimana wanita melibatkan diri dalam perdebatan serius dan perbalahan bersama Rasulullah s.a.w.

Semasa pemerintahan Khalifah Umar Ibn al-Khattab, terdapat satu peristiwa dimana seorang wanita menyuarakan pendapat dan membuktikan pendapat itu dengan betul mengakibatkan Umar sendiri untuk mengisytiharkan bahawa wanita itu betul dan dirinya salah. Walaupun tidak termaktub dalam al-Quran, terdapat satu hadis nabi mengatakan bahawa wanita tidak layak untuk memegang jawatan sebagai ketua negara (Jamal A. Badawi, 1980: 16-17). Batasan ini tiada kena mengena maruah atau hak seseorang wanita itu sebaliknya, adalah kerana perbezaan secara semula jadi dari segi biologi dan fizikal dengan seseorang lelaki. Jika diambil contoh daripada Sayyidatina Aisyah, beliau bukan sahaja menjadi sumber rujukan dalam kalangan kaum hawa tetapi juga golongan lelaki yang terdiri daripada sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. (Jawad

H. A., 1998: 83). Dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abi Musa al-Asyari berkata:

Maksud: "Setiap kami, sahabat Rasulullah s.a.w. mengalami kesulitan mengenai sesuatu hadis, lalu kami bertanya Aisyah. Kami mendapatkan pengetahuan (memuaskan daripadanya)."

Dari sudut pandangan barat, seperti yang dikatakan oleh Sarah Grimke pada tahun 1837, "wanita tidak ingin dijunjung ataupun merebut sesuatu pangkat tetapi yang kami inginkan ialah lelaki tidak memijak kami dan membiarkan kami berdiri sama tinggi duduk sama rendah seperti manusia lain." Pergerakan awal politik wanita dapat dilihat pada awal abad 1800-an, pada ketika itu perjuangan mereka tertumpu kepada penambahbaikan taraf sosial mereka seperti pendidikan, ini dapat dilihat pada ketika itu kadar buta huruf dalam kalangan wanita adalah sangat tinggi. Perjuangan mereka ini mengambil masa beberapa tahun dan lahirnya beberapa tokoh seperti Susan B. Anthony, Elizabeth Cady Stanton dan Marry Wollstonecraft yang merupakan pencetus awal feminisme.

Feminisme ialah gabungan gerakan politik, konteks sosial, dan teori moral yang banyak ditujukan kepada pembebasan perempuan daripada penindasan lelaki. Dari erti yang lain, feminisme ialah satu kepercayaan bahawa wanita mempunyai status persamaan sosial, ekonomi dan politik yang sama seperti lelaki, serta merupakan sebuah organisasi yang percaya bahawa jantina itu bukan satu sebab untuk membentuk identiti sesebuah masyarakat. Kebanyakan ahli-ahli gerakan feminisme risau dengan ketidaksamaan taraf sosial antara dua jenis jantina ini dengan anggapan masyarakat bahawa kaum lelaki sahaja mempunyai kuasa. Seseengah dari mereka juga percaya bahawa identity berdasarkan jantina seperti lelaki boleh membuat sebahagian daripada tugas sosial dan wanita pula sebahagian yang lain adalah merupakan ciptaan masyarakat. Terdapat beberapa jenis aliran feminisme menurut (Bagus Pramono, Herlianto, 2005):

Feminisme Liberal

Feminisme ini adalah pemahaman bahawa seseorang wanita itu memiliki keseluruhan kebebasan dan keindividualan. Fahaman ini menyatakan bahawa kebebasan dan taraf adalah berasaskan rasional dan pemisahan antara dunia peribadi dan umum. Setiap individu mempunyai kapasiti untuk berfikir dan membuat keputusan secara rasional tidak kira sama ada lelaki atau perempuan. Penindasan dan ketidaktamajuan wanita itu adalah kerana kesalahan wanita itu sendiri dan menjadi tanggungjawab perempuan itu sendiri untuk bersaing dan memajukan diri sendiri. Tokoh aliran ini ialah Naomi Wolf, dan beliau percaya bahawa fahaman ini adalah satu solusi. Justeru wanita sekarang memungut kekuatan dari pelbagai aspek seperti pendidikan dan pendapatan. Oleh itu, wanita harus sentiasa memperjuangkan hak persamaannya dan tidak selalu bergantung sepenuhnya kepada lelaki (Alice Echols, 1990: 132).

Feminisme Radikal

Budaya baru ini muncul pada pertengahan tahun 70-an, fahaman ini menegaskan perpisahan perjuangan wanita. Pada awalnya, fahaman ini menjadi popular sebagai reaksi terhadap fahaman seksis ataupun penguasaan sosial menurut jantina di barat pada tahun 1960-an. Fahaman ini berasaskan perjuangan menentang industri yang berteraskan seksual. Hal ini merupakan satu fakta pada zaman sekarang dimana penindasan terhadap wanita berlaku secara berleluasa.

Feminisme Pasca Moden

Idea pasca moden ini adalah idea yang menentang kuasa keseluruhan dan pihak penguasa. Gagalnya idea pasca moden ini adalah kerana salah faham dan fahaman secara berbeza di setiap lapisan sosial kerana penentangannya terhadap penguasaan pengetahuan akademik dan sejarah. Idea ini secara ringkasnya, menegaskan bahawa jantina tidak melambangkan identiti atau struktur sesebuah masyarakat.

Feminisme Anarkis

Feminisme ini pula menegakkan bahawa negara dan jantina lelaki sebagai satu masalah dan harus segera dihapuskan. Ianya berbentuk satu fahaman politik yang berteraskan masyarakat sosialis.

Feminisme Sosialis

Fahaman ini pula berjuang untuk menghapuskan sistem waris yang berat sebelah kepada jantina lelaki. Mereka inginkan satu undang-undang dimana taraf kuasa seseorang suami itu terhadap isterinya dihapuskan selaras dengan idea Karl Marx yang inginkan masyarakat tanpa lapisan kelas tertentu dan perbezaan antara jantina.

Kritikan Terhadap Feminisme

Pada peringkat awal kebangkitan gerakan wanita ini, mereka mendapat banyak simpati bukan sahaja daripada kaum wanita malah kebanyakannya daripada kaum lelaki. Tetapi perjuangan mereka terbahagi kepada dua golongan, iaitu antara yang sederhana dan yang radikal, masalah timbul apabila golongan fahaman radikal ini bersembunyi di belakang satu organisasi, iaitu “*Women’s Liberation*” yang meminta lebih daripada apa yang sepatutnya mereka peroleh mengikut undang-undang yang sedia ada. “*Women’s Liberation*” mendapat kritikan daripada organisasi-organisasi agama kerana mereka banyak mengusulkan perihal undang-undang seperti pembebasan kaum wanita daripada agama atas dasar bahawa agama berat sebelah kepada kaum lelaki sehingga menganggap agama itu adalah ciptaan lelaki. Fahaman golongan radikal ini adalah amat bertentangan dengan ajaran Islam. Antaranya firman Allah S.W.T. Ini:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ
وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Maksud: *Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, kerana Allah mele-*

bibkan orang lelaki (daripada beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang lelaki membelanja (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. ”

(Surah *al-Nisa*, 4:34)

Menurut ayat ini jelaslah bahawa lelaki mempunyai tanggungjawab terhadap wanita dan bukan bermaksud agama itu berat sebelah kepada kaum lelaki.

GERAKAN POLITIK MODEN WANITA

Pada abad ini, golongan wanita mula menyedari kekurangan sumbangan dan peranan mereka dalam masyarakat. Golongan wanita ketika ini mula keluar daripada kepompong mereka dan mula melihat dunia sosial secara terperinci dan juga pengorbanan para wanita terhadap kemajuan negara mereka. Pada ketika itu, bermulalah perjuangan daripada golongan wanita untuk membebaskan diri mereka daripada stigma masyarakat yang beranggapan bahawa wanita itu adalah jantina kelas kedua. Seorang ahli falsafah Perancis, iaitu Simone de Beauvoir menghasilkan karya pertama yang berjudul “*The Second Sex*”. Karya ini banyak menyumbang kepada pergerakan wanita barat yang sedang mengalami kebangkitan.

Isu-isu moden seperti pendapatan, pangkat atau jawatan dalam sesebuah organisasi dan cuti bersalin dibangkitkan dan mendapat perhatian daripada setiap lapisan masyarakat. Perjuangan politik moden wanita daripada awal sehingga kini memberi kesan yang luar biasa dalam kehidupan seharian wanita, ini tidak bermaksud perjuangan itu harus berhenti separuh jalan tetapi isu-isu baru sentiasa muncul selaras dengan kemajuan dunia ini. Perjuangan wanita adalah satu perjuangan yang unik dan tersendiri berbeza daripada perjuangan kemerdekaan ataupun bangsa. Musuh utama perjuangan mereka tidak berbentuk dan sentiasa berubah-ubah. Hal ini kerana perjuangan hak wanita tetap akan berterusan sehingga kedudukan wanita itu sama tinggi dengan manusia lain yang diciptakan oleh Allah S.W.T. (Bagus Pramono, Herlianto, 2005).

Gerakan Politik Wanita Moden di Dunia

Walaupun dalam dunia moden ini dan beberapa negara maju, amat sukar untuk mencari seseorang wanita yang memegang jawatan ketua negara, ketua tentera ataupun perwakilan di dalam parlimen. Seseorang itu tidak boleh menggambarkan ini sebagai ketidakkemajuan sesebuah negara ataupun hak perlembagaan seseorang wanita itu. Ia adalah lebih logik dari segi akademik jika diterangkan bagi situasi sekarang dalam erti semula jadi dan perbezaan mutlak antara lelaki dan wanita dimana perbezaan ini tidak bermaksud penguasaan sesuatu jantina itu terhadap jantina yang lain tetapi lebih kepada peranan lengkap-melengkapi antara kedua jantina ini dalam kehidupan seharian.

Gerakan Politik Wanita Moden di Malaysia

Kesan daripada timbulnya pasca moden ini juga memperlihatkan kemunculan gerakan feminisme atau pergerakan hak asasi persamaan jantina. Sistem demokrasi yang digunakan di kebanyakan negara-negara dalam dunia ini menyaksikan gerakan ini berjaya mengetengahkan pelbagai isu. Kejayaan demokrasi merupakan penggerak bagi golongan feminisme untuk menyampaikan suara dan pendapat mereka.

Kebanyakan pergerakan feminisme di Malaysia dipengaruhi oleh ideologi feminisme barat, ia lebih bersifat reformasi ataupun perubahan struktur sosial dan peranan golongan wanita. Di Malaysia, feminisme diketuai oleh wanita-wanita yang berlatar belakang pendidikan yang tinggi dan kelas menengah atasan. Mereka dipengaruhi oleh fahaman feminisme barat yang banyak mengusulkan perihal keadilan, kesaksamaan, hak-hak penting kemanusiaan, kemerdekaan dan pelbagai agenda yang berpusat pada ideologi yang menyebelahi wanita dengan menggunakan isu yang bukan sahaja berat sebelah, sebahagian besar daripada usul mereka banyak beteraskan pada isu asas yang dihadapi oleh negara yang masih membangun daripada segi ekonomi seperti Malaysia sendiri.

Terdapat juga ahl-ahli feminisme tempatan yang tidak begitu mendalami tentang agama dan senang terpengaruh dengan falsafah-falsafah yang sering merendahkan agama seperti feminisme radikal, mereka tidak memahami bahawa agama tidak membataskan hak wanita

sebagai contoh, agama Islam amat menitikberatkan perubahan nasib wanita yang amat ketinggalan ketika zaman jahiliah. Contoh, ketika bangkitnya ajaran Islam di negara Arab, kebanyakan daripada puak-puak masih mengamalkan kepercayaan bahawa wanita itu membawa nasib malang tetapi sejurus kedatangan Islam, wanita disanjung tinggi. Pengorbanan Sumayyah binti Khayyath boleh diangkat sebagai contoh sepanjang zaman untuk membuktikan bahawa wanita juga boleh membuat perubahan dalam perjuangan menyebarkan agama Islam. Pada ketika ini, wanita dipergunakan dengan bermacam cara tanpa disedari. Contohnya, mereka digunakan sebagai alat komersial yang bertujuan untuk mengaut keuntungan daripada tarikan seksual wanita. Daripada konteks yang sama, perjuangan feminisme bertujuan untuk menjaga kepentingan dan keadilan wanita yang semakin merosot. Hal ini bermaksud, feminisme berasaskan perjuangan untuk mendapatkan lebih banyak kebebasan dan menuntut hak yang dapat mengatasi lelaki (Nor Saleha Mohd. Salleh, 2010).

WANITA ISLAM PERLU MENJAGA KEDUDUKAN DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Walaupun dengan jelasnya dalam al-Quran dan hadis menggalakkan wanita untuk memainkan peranan yang berkesan dalam kehidupan umum dan peribadi, terdapat satu pendapat umum dalam kalangan orang muslim yang menegah wanita daripada melibatkan diri dalam politik. Kebanyakan ahli falsafah menerangkan bahawa wanita perlu duduk di rumah dan tidak melibatkan diri dalam kerja kemasyarakatan. Ahli falsafah ini membincangkan bahawa wanita tidak mampu untuk menguruskan hal-hal kemasyarakatan, justeru lebih baik bagi mereka untuk melaksanakan tanggungjawab yang biasa bagi mereka seperti menjadi ibu dan isteri yang taat. Bagi mereka, wanita muslim tidak pernah mengambil bahagian dalam perjuangan Islam sepanjang sejarahnya.

Walaupun Islam memberikan hak sama rata kepada wanita seperti lelaki, ahli falsafah ini menegaskan bahawa wanita perlu menjaga hal-hal peribadi rumah-tangga mereka. Tetapi terdapat juga mereka yang mempersoalkan tentang perbezaan sosial, politik dan aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh wanita ketika zaman Rasulullah s.a.w. Ahli falsafah

ini kemudia memberi pandangan bahawa pada ketika itu ia adalah kes-kes terpencil yang tidak ada kena-mengena dengan penglibatan wanita dalam hal-hal politik. Bagi sesiapa yang berfikir sebaliknya adalah salah dan tidak memahami sejarah. Dalam kes Sayyidatina Aisyah yang memainkan peranan penting dalam politik, mereka berbalah bahawa walaupun beliau turut terlibat dalam peperangan, akhirnya beliau menyesal ke atas perbuatan itu kerana beliau tidak sepatutnya meninggalkan rumah. Hal ini bermaksud penglibatan beliau tidak boleh dianggap sebagai penglibatan wanita Islam dalam politik tetapi lebih kepada penglibatan peribadi yang gagal (Zulkiple Abd. Ghani, 2005: 4).

Ia adalah penting untuk menegaskan bahawa terdapat ahli falsafah yang menentang penglibatan wanita dalam politik berbeza dengan ahli falsafah lain yang menganggap tahap penglibatan wanita dalam mengendalikan kuasa. Sebagai contoh, walaupun terdapat beberapa orang yang membenarkan idea bahawa wanita mempunyai peranan politik yang terbatas seperti haknya untuk mengundi, terdapat juga mereka yang tidak membenarkan hak politik langsung terhadap wanita. Namun, secara keseluruhannya, mereka mempesetujui bahawa wanita tidak boleh memegang jawatan-jawatan penting seperti ketua negara berdasarkan beberapa sebab seperti berikut (Jawad H. A., 1998: 88):

Al-Quran

Segelintir ahli falsafah mentafsirkan ayat ini untuk menunjukkan bahawa kaum lelaki mempunyai kuasa mutlak ke atas wanita sekaligus meletak kedudukan lelaki lebih eksklusif untuk memegang tampuk pemerintahan. Allah S.W.T. berfirman:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ
وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Maksud: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, kerana Allah melebihkan orang lelaki (daripada beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan,

dan juga kerana orang lelaki membelanja (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. ”

(Surah al-Nisa', 4:34)

Ini kerana mengikut pendapat mereka lelaki lebih cekap memimpin dan dipertanggungjawab melindungi golongan wanita yang lebih lemah dan beremosi. Bagi mereka, terang bahawa lelaki mempunyai Qiwama ataupun hak penjagaan dengan erti kata yang lain lelaki perlu menjaga wanita sekaligus wanita tiada kuasa untuk berpolitik untuk memerintah sesebuah masyarakat. Tetapi ada juga sebahagian daripada ahli-ahli kitab merangkan bahawa ayat ini tiada kena mengena dengan kehidupan dan tanggungjawab sosial seseorang wanita dan bahawasanya ayat ini menegaskan mengenai isu dalam sebuah institusi kekeluargaan di mana seorang suami mempunyai tanggungjawab ke atas isterinya. Oleh itu, kita tidak boleh menggunakan ayat ini sebagai alasan untuk merencatkan perjuangan wanita (Malik Ram Bajeva, 1981: 7).

Hadis

Berdasarkan hadis, beberapa perkara juga menceritakan tentang tahap-tahap atau batas mereka dalam berpolitik. Terdapat satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud:

Maksud: Apabila penyampai Allah S.W.T. mendapat tahu bahawa orang Parsi menabalkan anak perempuan Kisra(Khosrau) sebagai ketua mereka, Rasullulah berkata orang-orang yang diketuai oleh wanita itu tidak akan berjaya”.

Hadis ini digunakan dengan meluas untuk menahan wanita daripada memegang jawatan tinggi ataupun kedudukan yang mempunyai kuasa. Mereka berbalah sesama sendiri bahawa hadis ini yang disampaikan oleh Rasullulah s.a.w. memberitahu bahawa wanita tidak boleh memimpin dan jangan menurut langkah orang-orang parsi yang disebutkan itu dan jika diikuti juga maka binasalah mereka. Bagi mereka hadis ini adalah amaran yang nyata bahawa wanita tidak boleh memimpin dan nasib yang sama akan menimpa mereka sepertimana yang dialami oleh

orang Parsi sebelum kedatangan Islam iatu kejatuhan dan kekalahan yang memalukan. Tetapi seseorang itu tidak boleh mengambil pendapat ini bulat-bulat kerana hadis tersebut merujuk kepada keadaan Parsi ketika itu yang tidak beberapa stabil dan hanya merujuk kepada seorang wanita dan bukan keseluruhan kaum wanita secara amnya. Kedua, terdapat juga pandangan dimana Hadis tidak boleh bercanggah dengan al-Quran mengenai kedudukan wanita dalam pemerintahan kerana dalam al-Quran sangat mengangkat kedudukan permaisuri kerajaan sheba, iaitu permaisuri Balqis kerana dasar kepimpinan yang positif, tetapi dengan satu kekurangan, iaitu masyarakat kerajaan itu memuja matahari dan bukannya Allah S.W.T. tetapi akhirnya permaisuri Balqis insaf dan membawa orang-orang di bawah kepimpinannya ke jalan yang benar (Ezzat H. R, 1995: 101).

Pengalaman Praktikal Masyarakat Awal

Kajian menunjukkan tiada indikasi ketika awal kebangkitan Islam wanita diberi jawatan ataupun posisi penting dalam pemerintahan walaupun terdapat beberapa peluang untuk wanita memainkan peranan. Rasulullah dan para sahabat-Nya juga tidak pernah menjemput di kalangan wanita untuk menyertai kedudukan pemerintahan. Lebih dari itu, terdapat juga segelintir wanita yang terbukti lebih baik daripada lelaki dalam bidang mereka sendiri tetapi tidak menunjuk minat dalam memegang apa-apa jawatan di peringkat pemerintahan.

Kita juga harus melihat pada masa awal kebangkitan Islam terdapat beberapa penentangan terhadap fahaman dan amalan yang dibawa oleh Islam dan perubahan secara mendadak tidak kelihatan secara mendadak tetapi secara perlahan dan berperingkat-peringkat. Ini juga diaplikasikan dalam penerimaan umum dalam menerima wanita sebagai seseorang yang boleh menggunakan kuasa bagi membuat sesuatu keputusan.

Sesuatu Konsensus (Ijmak)

Terdapat juga sebahagian besar masyarakat beranggapan bahawa ada pendapat dari segelintir para ulama bahawa berapa 'ketidaksuaian' bagi wanita untuk memegang jawatan yang mempunyai kuasa memerintah.

Bagaimanapun anggapan ini adalah salah jika dibangkitkan kerana tiada penyatuan ataupun keputusan muktamad yang dibuat oleh mereka. Sebagai contoh, anggapan bahawa jawatan Hakim dalam mahkamah adalah istimewa bagi kaum lelaki sahaja, Abu Hanifah tidak bersetuju dengan cadangan ini dan membenarkan wanita memegang jawatan ini kecuali kes yang mempunyai kanun keseksaan. Dalam erti kata yang lain, menurut Ibn Jarir al-Tabari layak bagi seseorang wanita itu memegang jawatan kehakiman tanpa larangan. Hal ini menjadikan isu consensus diantara segelintir ulama tersebut mencurigakan dan tidak boleh diikuti. Sebaliknya ia adalah penting bagi isu-isu yang mempunyai ijma mengenai persoalan tertentu dan dalam hal ini ia melibatkan wanita, mengambil kira keseluruhan kepentingan umum. Justeru, jika usul itu jika ia tidak selaras dan berlawanan dengan kepentingan umum maka ia tidak boleh dipakai.

Maslahat (Kebajikan)

Bagi sebahagian masyarakat mereka percaya bahawa apabila memegang jawatan yang tinggi perlulah mempunyai tahap pemikiran yang tinggi dan mereka percaya bahawa terdapat kekurangan dalam diri wanita dalam ciri-ciri ini. Sebagai contoh, seseorang pemimpin itu perlu mengambil kira bermacam-macam kaedah untuk menyelamatkan, memajukan dan mempertahankan sesebuah institusi dan emosi wanita akan menjadi faktor penghalang kepada kaedah ini, bagi mereka wanita lebih sesuai jika membuat tugas yang sudah biasa bagi mereka seperti menjaga rumah atau menjadi ibu. Anggapan ini salah kerana walaupun seseorang wanita itu wajib mendahulukan tanggungjawab domestik, tetapi ini tidak boleh dijadikan alasan baik bagi wanita malah lelaki. Dalam erti kata yang lain perlu ada keseimbangan antara kedua-dua tanggungjawab, dimana terdapat beberapa orang wanita yang boleh kerana memegang jawatan yang berpengaruh biasanya berdasarkan ukuran keupayaan dan merit sebagai kelayakan dan bukannya jantina (Waddy, Charis, 1980: 3-4).

CABARAN WANITA ISLAM DALAM POLITIK

Seperti mana yang kita tahu manusia diturunkan Allah S.W.T. ke atas bumi ini dengan kelebihan berfikir, iaitu secara intelek sebagai khalifah

di muka bumi ini. Apabila istilah manusia digunakan bermaksud bukan sahaja jantina lelaki sebagai jantina yang dominan dengan kelebihan mengurus sumber yang terdapat di muka bumi ini. Wanita juga memainkan peranan yang penting dalam menguruskan sumber-sumber yang ada tetapi terdapat beberapa syarat dan hukum-hukum agama yang perlu dipatuhi bagi menjaga fitrah wanita itu sendiri.

Politik dalam Islam tidak bermaksud penguasaan dominan sesuatu kelompok sahaja tetapi merujuk kepada kesemua lapisan masyarakat yang berada dalam kelompok itu bagi kesejahteraan bumi ini. Kemudian, corak politik manusia meningkat setahap demi setahap daripada zaman Rasulullah s.a.w. hingga ke zaman sekarang. Begitu jugalah dengan cabaran yang perlu dihadapi oleh para wanita apabila tahap pemikiran masyarakat kita meningkat ke tahap yang lebih tinggi. Bagi seseorang wanita yang ingin berpolitik, seseorang itu hendaklah mempunyai nilai-nilai seperti berikut (Mashitah Ibrahim, 2011):

- (1) Mendapatkan ilmu pengetahuan yang terkini supaya tidak ketinggalan oleh arus globalisasi dan berkeyakinan untuk memimpin sesebuah masyarakat secara berkesan dan efektif.
- (2) Mempunyai etika kerja yang tinggi seperti berdisiplin, jujur, mengamalkan perpaduan dan sentiasa bersedia dalam menghadapi apa jua masalah.
- (3) Kebolehan kepimpinan yang tinggi. Wanita yang mempunyai status dalam kepimpinan haruslah mempunyai fahaman yang mendalam mengenai isu-isu terkini dan sentiasa peka terhadap perubahan di sekelilingnya.
- (4) Kemahiran komunikasi yang efektif juga perlu diterapkan dalam diri seseorang wanita itu kerana beliau bukan sahaja berinteraksi antara masyarakat setempat tetapi juga masyarakat global.
- (5) Motivasi dalaman yang tinggi. Sebagai seorang pemimpin akan sentiasa mendapat perhatian daripada semua pihak, justeru itu, motivasi diri yang tinggi amat diperlukan bagi menunjukkan kepada semua bahawa wanita itu tidak lemah di mata masyarakat.
- (6) Interaksi sosial. Politik pada konteks masyarakat ini memerlukan seseorang pemimpin itu mempunyai tahap keprihatinan yang

wajar dan saling memahami sensitiviti masyarakat yang bukan daripada agama atau bangsa kita sendiri.

- (7) Kebolehan mentadbir. Seseorang ahli politik itu perlulah mempunyai kebolehan untuk melihat sesuatu keadaan itu secara menyeluruh dalam jangka masa yang pendek dan jangka masa panjang. Tahap penelitian yang tinggi untuk memastikan kerja menjadi teratur dan efektif.
- (8) Jati diri. Seseorang wanita itu perlulah menjaga dirinya sendiri supaya tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir yang negatif yang boleh mencemarkan identity dirinya sendiri.
- (9) Daya pemantauan sebagai ahli politik terutamanya dalam diri wanita. Seperti sedia maklum, seseorang wanita itu mempunyai naluri keibuan yang boleh diaplikasikan dalam sesebuah organisasi ataupun masyarakat.
- (10) Gaya kepimpinan. Antaranya ialah sikap berani mencuba sesuatu yang dengan mengambil risiko. Sentiasa mendengar dan menerima pandangan orang lain dari masa ke semasa supaya politik secara demokrasi dapat diamalkan.

PERANAN YANG PERLU DILAKSANAKAN

Sebagai seorang wanita yang terlibat dalam politik, mereka bukan sahaja terikat dengan tugas pentadbiran tetapi juga haruslah mempamerkan nilai-nilai keagamaan. Sebagai contoh dari perspektif Islam, terdapat beberapa peranan yang juga boleh diterapkan, antaranya ialah (Nor Saleha Mohd. Salleh, 2010):

- (1) Usaha dakwah secara berterusan. Sebagai seorang pemimpin, haruslah menerapkan sifat-sifat seorang pendakwah kerana kita berdepan dengan ramai orang terutamanya sebagai seorang wanita, wanita lain amat memandangi tinggi terhadap keupayaan kita untuk membantu dan menyampaikan masalah-masalah mereka. Semangat kerjasama yang melibatkan seluruh masyarakat ataupun organisasi selaras dengan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
 وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ
 اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Maksud: *Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka adalah menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh yang makruf, mencegah kemungkaran, mendirikan solat, membayar zakat, dan mereka taat kepada Allah dan rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*”

(Surah *al-Taubah*, 9:71)

- (2) Memanfaatkan masa lapang bagi menajamkan minda dan aktif dalam aktivi kemasyarakatan supaya boleh meningkatkan kemahiran sosial dan tahap keyakinan diri kerana pada masa ini mencari seseorang yang mempunyai nilai-nilai tersebut adalah sukar lebih-lebih lagi dalam kalangan wanita.
- (3) Dahulukan perkara yang wajib (*al-Aulawiyat*). Seperti yang dikatakan oleh Qardhawi bahawa segelintir umat Islam pada masa kini sering mengejar benda yang kurang penting. Dalam konteks ini, perkara yang penting adalah hal-hal wajib yang menurut syariat Islam. Antara contoh yang jelas ialah, umat Islam sering berdebat dan berbahas mengenai isu-isu yang tidak membangunkan ummah seperti perbalahan antara mazhab dan politik.
- (4) Lebihkan bekerja daripada omong kosong. Lumrah seorang wanita ialah banyak bercakap, ini adalah cabaran yang perlu mereka tangani. Bukanlah bermaksud mereka perlu kurang bercakap tetapi lebihkan bercakap sesuatu perkara yang boleh membangunkan minda mereka seperti solusi kepada sesuatu masalah yang berada di sekeliling mereka. Wanita yang berpolitik haruslah cekap bertindak dalam urusan kerja mereka, kurangkan aspek perbualan

yang tidak membantu. Berbuallah mengenai perkara yang boleh mencetus idea-idea yang baru dan baik untuk dikongsi kepada masyarakat pada masa yang tertentu. Salah satu sebab mengapa kita dilihat lemah adalah kerana kita lebih banyak bercakap berbanding melakukan sesuatu pekerjaan. Di peringkat global, masyarakat dunia berpisah dan tidak bersatu padu kerana perbezaan ideology politik yang mengurangkan nilai persaudaran atas sebab pemimpin dunia terlalu banyak berbahas daripada berfikir bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang melibatkan semua pihak.

Oleh itu, wanita haruslah melengkap diri mereka dengan apa yang diceritakan ini bagi menghadapi cabaran dalam berpolitik di dunia moden ini.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, pandangan terhadap penglibatan wanita dalam politik sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran masa dan zaman. Kehendak tahap penglibatan wanita dalam politik secara khususnya berubah mengikut kehendak dan permintaan pada ketika itu. Berdasarkan penulisan ini, salah anggap umum masyarakat tentang wanita dalam politik menyebabkan golongan-golongan wanita menjadi lebih prihatin terhadap nasib diri mereka sekaligus melahirkan pergerakan-pergerakan feminisme. Oleh itu, kami yakin bahawa terdapat banyak lagi yang perlu dipelajari tetapi apa-apa usul untuk menambahbaik taraf wanita Islam dalam politik mesti datang dari dalaman seperti firman Allah S.W.T. :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغَيِّرُ مَا بَقِيَ حَتَّىٰ يَغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

Maksud: *Allah tidak akan mengubah nasib sesebuah masyarakat, melainkan mereka mengubah diri mereka terlebih dahulu.* ”

(Surah al-Ra'd, 13:11)

Dengan ini, hanya melalui cara Islam sebenar, baru kedudukan wanita akhirnya akan mencapai kebebasan, kehormatan diri dan

mencerminkan keindahan ajaran agama Islam dan menolak salah faham mengenai wanita dalam konteks Islam.

RUJUKAN

- Alice Echols. 1990. *Daring To Be Bad: Radical Feminism In America, 1967-1975*. USA: Percetakan Universiti Minessota.
- Bagus Pramono, Herlianto. 2005. *Feminism*. sabda.org/artikel/feminisme, (12. 03. 2012).
- Mashitah Ibrahim. 2011. "Mingguan Wanita ke-30". www.pmo.gov.my/mashitah/speeches-view.php, (10. 03. 2012).
- Ezzat, H. R. 1995. *Women and Political Action: An Islamic Perspective*. Virginia, USA: The
- Jawad H. A. 1998. *The Rights Of Women In Islam*. Great Britian: Macmillan Press Ltd.
- J. A. Badawi. 1980. *The Status Of Women In Islam*. USA: al-Ittihad.
- Malik Ram Baveja. 1981. *Women In Islam*. New York, USA: Advent Books.
- Muhammad M. al-Hudaibi. 2000. *The Principles Of Politics In Islam*. Cairo, Egypt: Islamic Inc Publishing & Distribution. International Institute of Islamic Thought.
- Nor Saleha Mohd. Salleh, Ketua Wanita Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). (2010). *Pekerjaan Masa Kini*. Bangi: UKM.
- Waddy, C. 1980. *Women in Muslim History*. London, England: Longman Group Ltd.
- Zulkiple Abd. Ghani. 2003. *Bapa Sebagai Ketua Keluarga: Hubungannya Dengan Realiti* Majalah Sinar Rohani